

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH**

[SABAK BERNAM - BN]

SOALAN (NO. 79)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pasukan bola sepak Liga Malaysia (Liga M) yang mempunyai tunggakan gaji kepada pemain dan jurulatih bagi tahun 2015 dan nyatakan jumlah tunggakan serta langkah Kerajaan bagi memastikan tunggakan ini dapat diselesaikan serta tidak berulang di masa hadapan bagi menjaga nama baik bidang profesional bola sepak dan sukan Negara.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan bola sepak yang bertanding dalam Liga Malaysia yang masih mempunyai tunggakan gaji kepada pemain dan jurulatih bagi tahun 2015 adalah seperti berikut :

- a) Pasukan ATM : RM 3.7 juta (15 pemain)
- b) Pasukan Kelantan : RM 477 ribu (5 pemain)

2. Kesemua isu yang berkaitan kegagalan persatuan atau kelab bola sepak dalam Liga Malaysia yang tidak melunaskan gaji pemain akan dibincangkan dan diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa FAM berdasarkan kepada Artikel 67 Perlembagaan FAM. Antara bentuk tindakan yang boleh dikenakan adalah seperti berikut : -

i. Pasukan / Kelab tersebut boleh didenda sebanyak RM 1,500.00 dan diberi tempoh masa yang akan diputuskan oleh mesyuarat bagi menyelesaikan isu gaji berkenaan.

atau

ii. Pasukan / Kelab boleh dikenakan tindakan pemotongan mata dalam pertandingan liga semasa. Jumlah mata yang dipotong berdasarkan persetujuan dan keputusan mesyuarat.

SULIT

atau

- iii. Pasukan / Kelab boleh diturunkan ke liga bawahan contohnya sekiranya pasukan berkenaan beraksi dalam Liga Super maka diturunkan ke Liga Perdana.

atau

- iv. Pasukan / Kelab yang didapati bersalah boleh di keluarkan / dibatalkan terus penyertaan dalam liga.

atau

- v. Pihak FAM boleh menyekat bantuan geran kepada persatuan / kelab

3. Sehubungan itu, KBS tidak berhasrat untuk masuk campur urusan gaji pemain bola sepak dalam liga bola sepak di Malaysia. Selaras dengan Statut FIFA Fasal 13 dan 17 yang menyebut bahawa anggota organisasinya (merujuk kepada FAM) perlu menjalankan aktiviti secara bebas tanpa campurtangan pihak ketiga (merujuk kepada Kerajaan).

Sekian, terima kasih.